

Political parties, public relations firms, and governments are spending millions on ‘cyber troops’ to drown out other voices on social media. Misinformation has become more professionalised and is now produced at an industrial scale. Strategies include spreading computational propaganda using bots and other amplification strategies to create the impression of trending issues.

Social media has become a major battleground, with firms such as Facebook and Twitter taking steps to combat these ‘cyber troops’. Citizen influencers are also used to spread manipulated messages; including volunteers, youth groups and civil society organisations. The event concluded with an engaging question-and-answer session with the audience.

SPEECH:
Konvensyen Dialog Antara Agama Selangor 2022
(Dewan Besar IAIS Malaysia, 29 November 2022)

*Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Dr Siti Mariah Mahmud
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Keluarga,
 Negeri Selangor Darul Ehsan*

Bismillahir Rahmanir Rahim
 Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi Ahmad Mughni

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal

Yang Berbahagia, Dato’ Dr. Azizan Baharuddin

Pengarah, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

Yang Berusaha, Dr Ahmad Badri Abdullah,

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IAIS Malaysia,

Ahli-ahli Majlis Perpaduan dan Integrasi Selangor

Yang Dihormati, dif-dif kehormat, Tan Sri- Tan Sri, Dato’-Dato’, penyampai

ucaptama, panel pembentang, dan para peserta konvensyen sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur majlis ini, **Pejabat Exco Perpaduan Negeri Selangor, Majlis Perpaduan dan Integrasi Selangor (MPIS), Institut Kajian Islam Tinggi Antarabangsa (IAIS Malaysia), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Dasar (IRDP)** serta **Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya** kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan perasmian pada konvensyen kali ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada semua penganjur di atas inisiatif dan usaha mereka dalam menganjurkan sebuah konvensyen yang penting ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penganjuran **Konvensyen Dialog Antara Agama Selangor 2022** pada kali yang kedua ini memperlihatkan komitmen yang tidak berbelah bahagi kerajaan negeri Selangor terhadap sebarang usaha bagi memupuk perpaduan dan keharmonian di kalangan pelbagai kaum dan agama. Saya amat berbesar hati dapat merasmikan program ini dan berharap wacana sebegini bukan hanya perlu diteruskan bahkan menjadi sebuah model interaksi antara pemimpin dan penganut pelbagai agama yang dicontohi oleh negeri-negeri lain dalam konteks negara kita. Dalam kata lain, Selangor, melalui program seperti hari ini, menjadi pencetus kepada wacana interaksi antara pelbagai agama yang efektif dan berimpak tinggi sama ada dalam konteks lokal mahupun global.

Pada hemat saya konvensyen hari ini dianjurkan tepat pada masanya berikutan perkembangan semasa yang sedang berlaku di negara kita pada ketika ini. Ini berikutan timbulnya kecenderungan di kalangan pelbagai segmen dalam masyarakat kita, khususnya di kalangan golongan muda, yang melihat perbezaan agama dan kaum sebagai faktor kepada perselisihan dan konflik di dalam masyarakat. Ini dapat dilihat secara jelas di dalam pendekatan kempen sebahagian pihak serta pola pengundian dalam pilihanraya umum ke-15, khususnya di kalangan pengundi muda. Jelas sekali kita lihat sentimen perkauman dan sensitiviti keagamaan dijadikan modal bagi menimbulkan keresahan demi meraih sokongan politik oleh sebahagian mereka yang tidak bertanggungjawab. Fenomena ini digelar oleh sarjana sains politik terkemuka, Francis Fukuyama sebagai *The Politics of Resentment*. Dalam hal ini Fukuyama menerangkan:

“But as important as material self-interest is, human beings are motivated by other things as well, motives that better explain the disparate events of the present. This might be called the politics of resentment. In a wide variety of cases, a political leader has mobilized followers around the

perception that the group's dignity had been affronted, disparaged, or otherwise disregarded. This resentment engenders demands for public recognition of the dignity of the group in question.”

— Francis Fukuyama, *Identity: The Demand for Dignity and the Politics of Resentment*

Kecenderungan mewujudkan budaya ketakutan (*the culture of fear*) demi meraih laba politik sesetengah kelompok ini mampu menjejaskan proses demokrasi yang sihat. Ditampung pula oleh teknologi sosial media seperti *Youtube, Instagram* dan *TikTok* yang semakin sofistikated, menarik dan pantas, budaya politik perkauman dan keagamaan sempit ini berpotensi meruntuhkan fabrik sosial seterusnya mencetuskan konflik yang tidak berkesudahan. Oleh itu, tren politik seperti ini harus ditangani dengan berhemah dan melalui strategi yang kemas. Dialog yang berkesan antara pelbagai penganut agama harus menjadi salah satu strategi bagi menangani tren politik yang amat membimbangkan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Islam sebagai sebuah agama, sentiasa komited untuk menjamin kerukunan dan kebersamaan penganut agama dan kumpulan etnik yang berbeza dalam keadaan aman damai dan harmoni. Al-Quran penuh dengan perintah yang menggalakkan layanan yang baik diberikan kepada semua pihak mahupun kepada golongan di luar lingkup agama Islam:

“Allah tidak melarang kamu dari orang-orang yang tidak memerangi kamu karena agama dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu untuk berbuat baik terhadap mereka dan berlaku adil terhadap mereka. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”

(Al-Mumtahanah, Surah 60 : ayat 8).

Nabi Muhammad SAW dalam ajaran dan kehidupan Baginda turut memperlihatkan panduan ke arah sikap toleransi dan penghormatan terhadap penganut agama lain. Ini termaktub dalam sebuah wasiat yang diungkapkan oleh Baginda Rasulullah SAW:

“Sesiapa yang memerangi orang bukan Islam yang mempunyai perjanjian dengan masyarakat Islam tidak akan mencium bau syurga, dan baunya boleh didapati dari jarak empat puluh tahun”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Prinsip keadilan ini juga termaktub dalam Piagam Madinah, iaitu perjanjian antara Nabi Muhammad SAW dan penduduk pelbagai puak dan agama di kota Madinah yang menjamin kebebasan dan keamanan kehidupan sosio-ekonomi serta aktiviti keberagamaan mereka .

Pada hemat saya agama lain juga berkongsi banyak persamaan dalam menjayakan matlamat perpaduan sosial. Agama Buddha dan Hindu misalnya, berkongsi prinsip etika iaitu ‘mengelakkan berlakunya kemudaratan’ ataupun *ahimsa*. Manakala bagi agama Kristian pula, kitab perjanjian lama dan baharu penuh dengan ayat-ayat yang memerintahkan kita untuk mengasihi satu sama lain walaupun dari latar belakang yang berbeza. Antaranya:

“Karena kamu telah menyucikan dirimu oleh ketaatan kepada kebenaran, sehingga kamu dapat mengamalkan kasih persaudaraan yang tulus ikhlas, hendaklah kamu bersungguh-sungguh saling mengasihi dengan segenap hatimu.”

(1 Petrus 1:22, Alkitab Terjemahan Baru)

Hadirin-hadirat sekalian,

Saya juga tertarik dengan tema yang dipilih pada tahun ini, iaitu: “*Tadbir Urus Baik Sebagai Teras Perpaduan Masyarakat Pelbagai Agama*”. Justeru, saya suka untuk menarik perhatian para hadirin berkenaan peri pentingnya tadbir urus yang baik, atau yang sering disebut sebagai ‘*good governance*’, terhadap perpaduan dan keharmonian antara penganut berbilang agama, serta manfaatnya dari perspektif yang lebih luas.

Di dalam al-Qur’an, terdapat beberapa panduan yang jelas mengenai urus tadbir yang baik antaranya:

“Mereka apabila diberi kuasa di negeri, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar.”

(Surah al-Hajj, Surah 22: ayat 41)

Menurut kerangka keilmuan Islam, dapat disimpulkan bahawa dalam berbicara mengenai tadbir urus yang cemerlang, kita tidak boleh lari daripada tujuan tertinggi bagi ajaran agama Islam itu sendiri yang disebut sebagai Maqasid Syariah. Ini kerana Maqasid merupakan sebuah pendekatan yang dapat

membantu kita untuk menyimpulkan dan membentangkan sumber-sumber ajaran Islam agar menjadi sebuah garis panduan praktikal bagi aktiviti pemerintahan dan urus tadbir.

Oleh kerana matlamat utama yang digariskan oleh Islam bagi keberadaan manusia diatas muka bumi adalah demi meraih kejayaan/kecemerlangan (*falah*), maka acuan Maqasid Syariah mampu memandu tujuan tersebut. Ini termasuk penekanannya terhadap pemeliharaan lima elemen penting dalam hidup manusia; agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, yang diperhalusi menurut tiga tingkat turutan iaitu; kepentingan asasi (*daruriyat*), mengelak berlakunya mudarat dan kesempitan (*hajiyyat*) dan pelengkap dan penghias kehidupan (*tahsiniyat*).

Di sini saya juga suka untuk memetik kajian yang telah dilaksanakan secara intensif oleh Dr. Maszlee Malek, pengucap utama kita pada hari ini dalam kajian kedokteran beliau. Dalam kajian tersebut, beliau menggariskan beberapa prinsip yang terdapat di dalam ajaran Islam yang mampu menjadi tunggak penting kepada idea urus tadbir yang baik dari sudut pandangan Islam. Prinsip-prinsip tersebut adalah; kepercayaan kepada tuhan yang Esa (*tauhid*), amanah, keadilan dan kompetensi (*al-'adl wa al-ihsan*), persaudaraan dan juga reformasi (*islah*).

Hadirin-hadirat sekalian,

Pengungkapan politik negara di masa hadapan seharusnya berasaskan tadbir urus baik serta wacana polisi yang aktif dan segar. Politik negara yang berasaskan tadbir urus yang baik bermakna, segala bentuk persaingan politik (*political contestation*) harus berpaksikan kepada perbincangan dasar-dasar pentabdiran yang akhirnya akan menguntungkan rakyat terbanyak. Jika tidak, hal sebaliknya akan berlaku: Politik negara akan berkisar sekitar isu-isu yang berasaskan sentimen perkauman sempit, populisme, dan kepentingan peribadi yang tidak akan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan, malah memudaratkan.

Tanpa tata kelola yang baik, kekayaan negeri atau negara tidak akan dapat diuruskan dengan adil dan saksama, dan rakyat tidak dapat menikmati kemakmuran yang sewajarnya. Sudah tentu kita tidak mahu menjadi seperti negara yang mempunyai potensi dan kekayaan yang besar tetapi rakyatnya menderita. Sebagai contoh, sarjana-sarjana ekonomi mengambil Nigeria sebagai kajian kes. Sebagai negara pengeluar minyak Nigeria memperoleh hasil yang lumayan, sekitar 400 billion USD dalam beberapa generasi, tetapi 70% rakyatnya masih hidup di bawah paras kemiskinan dan KDNK per kapitanya malah semakin menurun disebabkan oleh berleluasanya budaya rahsua dan ketirisan sumber awam.

Sebaliknya, Norway pula diangkat sebagai contoh negara yang mempunyai tadbir urus yang baik. Walaupun Norway pada awalnya juga bergantung kepada hasil jualan minyak mentah, negara ini diunjurkan akan kekal makmur dan kaya walaupun selepas hasil minyaknya habis. Ini disebabkan oleh hasil kekayaannya dipelihara dengan baik dan dilaburkan kepada aset-aset yang produktif di seluruh dunia. Kini, Norway menduduki tempat kedua dunia dari segi Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*) dan ketiga tertinggi dari segi KDNK per-kapita.

Hadirin-hadirat sekalian,

Kepentingan tadbir urus yang baik juga melangkaui kepentingan negeri-negeri, malah negara-negara tertentu. Hakikatnya ia juga merupakan teras utama dalam mencapai objektif-objektif pembangunan mampan 2030 (Sustainable Development Goals) yang secara umumnya dipersetujui oleh hampir semua negara di dunia demi kepentingan sejagat. Objektif-objektif pembangunan mampan (SDGs) rata-ratanya adalah berasaskan reformasi masyarakat dan perancangan dasar (*policy response*) yang berkesan, dan semua ini hanya akan dapat direalisasikan jika kita mempunyai tadbir urus yang baik.

Objektif-objektif pembangunan mampan (SDGs) seperti menamatkan kemiskinan (SDG 1), kesihatan yang baik (SDG 3), pendidikan berkualiti (SDG 4), kesaksamaan gender (SDG 5), keadilan menyeluruh (SDG16) sudah tentu memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada perpaduan antara kaum. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tadbir urus yang baik merupakan batu asas (*cornerstone*) kepada kesejahteraan masyarakat bukan hanya pada waktu ini, tetapi juga pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor telah menegaskan komitmennya terhadap tata kelola yang baik, merangkumi prinsip-prinsip ketelusan, penyertaan, keterangkuman dan kebertanggungjawaban. Tata kelola yang baik sudah semestinya menjadi elemen penting dalam usaha menjamin kesejahteraan di Selangor khususnya dan juga di peringkat nasional umumnya. Atas aspirasi inilah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) telah dibentuk dengan teliti serta diluncurkan pada 27 Julai 2022. Ia merupakan rancangan pembangunan komprehensif negeri Selangor yang mengambil kira aspek pelaksanaan dasar, projek dan inisiatif menyeluruh yang turut melibatkan kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan.

Hadirin-hadirat sekalian,

Sejujurnya, saya berpendapat bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk pemimpin dan penganut pelbagai agama untuk berganding bahu dalam membincangkan isu-isu kompleks dan mencadangkan penyelesaian hasil daripada interaksi tersebut. Memandangkan isu-isu yang melibatkan tatakelola urusan awam dan masyarakat saling berkaitan, kompleks dan boleh mengakibatkan situasi di luar jangkauan kita. Justeru, kita harus menggerakkan tenaga, kepakaran dan sumber kita bersama-sama dan mengelakkan daripada bekerja dalam keterasingan.

Masalah seperti isu tadbir urus, polarisasi sosial, budaya rasuah dan salah guna kuasa, kerosakan alam sekitar, keganasan rumah tangga dan penyalahgunaan dadah misalnya, menuntut usaha bersepadu yang melibatkan semua pihak. Kita perlu menerapkan budaya dialog antara agama dalam masyarakat kita di Selangor, dan menjadikannya sebagai 'norma baharu' di pelbagai peringkat. Ini bukan sahaja untuk mencapai perpaduan dan keharmonian sosial tetapi juga untuk menangani cabaran-cabaran terkini dalam masyarakat dengan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi memenuhi hasrat tersebut, kerajaan negeri Selangor telah menubuhkan Majlis Perpaduan dan Integrasi Sosial Selangor (MPIS), di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Perpaduan Negeri, untuk berfungsi sebagai jawatankuasa penasihat dasar, serta sebagai tempat rujukan dan gka kerja untuk mempertingkatkan lagi kualiti perpaduan sosial dalam konteks Selangor.

Kesemua inisiatif kerajaan negeri ini adalah untuk memastikan Selangor dapat mengekalkan statusnya sebagai negeri yang terkemuka di Malaysia secara mampan dari segi pembangunan ekonomi dan politik dan meningkatkan daya saingnya dalam menarik aliran masuk pelaburan berikutan kestabilan sosio-ekonominya. Prasyarat kepada kestabilan itu ialah perpaduan sosial yang utuh di kalangan rakyat Selangor keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Sebagai penutup, saya ingin mengulangi keperluan untuk mematuhi prinsip perpaduan yang termaktub dalam setiap agama yang diamalkan di negara kita. Ia adalah benteng yang melindungi masyarakat kita daripada kehancuran perpaduan sosial, terutamanya dalam negara berbilang kaum dan agama seperti kita. Selain itu, prinsip tadbir urus atau tata kelola yang baik seharusnya menjadi pemangkin kepada perpaduan pelbagai agama dan kaum supaya setiap individu dipelihara kebajikan dan kerukunan hidup mereka.

Saya harap konvensyen pada hari ini menyediakan ruang dan peluang bagi percambahan buah fikiran yang bermanfaat dan perbincangan mendalam oleh semua penyampai ucapan dan para ahli panel yang berkaliber. Bahkan yang penting adalah wacana hari ini bakal menghasilkan saranan-saranan praktikal yang akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara kita.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Saudagar Darus sibuk di pekan,
Berdagang cucur buah mempaga,
Tadbir urus kita elokkan,
Negara makmur perpaduan terjaga.

Dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim* saya dengan ini melancarkan pembukaan acara hari ini, **Konvensyen Dialog Antara Agama Selangor 2022**. Selamat berkonvensyen.

Sekian, *Assalamu 'alaikum* dan Salam Sejahtera.